



PENGENALAN KEPADA AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

LATAR BELAKANG & PEMAKAIAN AKTA 709

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah mula dikuatkuasakan sepenuhnya pada 15 November 2013. Tujuan Akta 709 ini adalah untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam **transaksi komersial** di Malaysia.

Seksyen 2. Pemakaian

(1) Akta ini terpakai bagi—

- (a) mana-mana orang yang memproses; dan
- (b) mana-mana orang yang mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemrosesan, apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

KETIDAKPAKAIAN AKTA 709

1

Hal Ehwal Peribadi, Keluarga, Rumah Tangga

2

Transaksi Bukan Komersial

3

Data yang diproses di luar Malaysia

4

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

5

Agensi Pelaporan Kredit



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

• PIHAK UTAMA DI BAWAH •

AKTA 709


Pengguna Data

Individu/syarikat yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial



Subjek Data

Pemilik data peribadi
Contoh: pekerja, pelajar, pelanggan



Pemproses Data

Individu/syarikat yang memproses data peribadi bagi pihak pengguna data
(Contoh: pengutip hutang, vendor IT)



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

01 PRINSIP AM

Pengguna data tidak boleh memproses data peribadi **TANPA** persetujuan subjek data

02 PRINSIP NOTIS & PILIHAN

Pengguna data hendaklah **memaklumkan** kepada data subjek mengenai tujuan data peribadinya diproses

03 PRINSIP PENZAHIRAN

Tiada data peribadi boleh dizahirkan kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan

04 PRINSIP KESELAMATAN

Mengambil **langkah-langkah** untuk **melindungi** data peribadi

05 PRINSIP PENYIMPANAN

Data peribadi **tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh** yang diperlukan dan perlu dimusnahkan atau dipadam secara kekal jika tidak lagi diproses

06 PRINSIP INTEGRITI DATA

Pengguna data perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini

07 PRINSIP AKSES

Subjek data hendaklah **diberi akses** kepada data peribadinya yang dipegang oleh pengguna data dan boleh membetulkannya



CADANGAN PINDAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

RINGKASAN SESI LIBAT URUS



SESI LIBAT URUS



PEMEGANG TARUH

46

KEMENTERIAN/JABATAN/
KERAJAAN NEGERI

174

PIHAK BERKUASA
TEMPATAN &
PESURUHJAYA BANGUNAN

28

BADAN
KAWAL SELIA

30

KOPERASI

8

AGENSI MENGURUS
ZAKAT

37


PERSATUAN MEWAKILI
INDUSTRI

396

SEKTOR SWASTA/
PEMAIN INDUSTRI/
INSTITUSI PENDIDIKAN



ROADMAP PINDAAN AKTA 709



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN AKTA 709

Cadangan Pindaan Peruntukan Semasa	Cadangan Penambahan Peruntukan Baharu	Cadangan Pindaan Terma	Cadangan Pindaan Tambahan
1. Peluasan skop akta kepada semua transaksi	1. Pewujudan fungsi Pegawai Perlindungan Data (<i>Data Protection Officer</i>)	1. Penyeragaman pemakaian terma selaras dengan piawaian terma antarabangsa	1. Pemakaian Akta 709 kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
2. Penambahan tanggungjawab pematuhan oleh Pemproses Data	2. Kewajipan penghantaran Notifikasi Ketirisan Data (<i>Data Breach Notification</i>)		
3. Pindaan terhadap peruntukan denda	3. Memperkenalkan hak mudah alih data kepada Subjek Data (<i>Data Portability</i>)		
4. Memansuhkan Warta pengecualian berkaitan larangan pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia	4. Pelaporan tindakan penguatkuasaan		
5. Forum Pengguna Data	5. Peruntukan mengenai biometrik		
6. Pengendalian akaun bank			



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my



CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA

1. PELUASAN SKOP AKTA KEPADA SEMUA TRANSAKSI

- Akta 709 hanya meliputi data peribadi yang diproses dalam transaksi komersial sahaja. JPDP menghadapi kekangan untuk menguatkuasakan Akta 709 bagi kes ketirisan data peribadi yang bukan dalam transaksi komersial.
- Sebagai contoh, ketirisan data peribadi yang berlaku semasa pemprosesan data peribadi oleh entiti yang tidak berasaskan keuntungan namun melaksanakan transaksi yang tidak termasuk dalam transaksi komersial seperti kutipan sumbangan, derma, zakat dan ikhtisas akan tertakluk kepada peluasan skop ini.
- Walau bagaimanapun, peluasan skop kepada semua jenis transaksi adalah tertakluk juga kepada peruntukan Akta 709 di bawah Seksyen 45 – Pengecualian, dan Seksyen 46 – Kuasa Untuk Membuat Pengecualian Tambahan.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA

2. PENAMBAHAN TANGGUNGJAWAB PEMATUHAN OLEH PEMPROSES DATA

- Akta 709 sedia ada hanya memperuntukkan liabiliti terhadap Pengguna Data sahaja jika berlaku ketirisan data di pihak Pemproses Data.
- Cadangan pindaan ini meletakkan tanggungjawab secara langsung kepada Pemproses Data di bawah Prinsip Keselamatan. Pemproses Data boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kegagalan mematuhi prinsip ini dalam memproses data peribadi dan boleh dikenakan penalti.
- Pemproses Data hanya terikat dengan liabiliti di bawah Prinsip Keselamatan sahaja kerana Pemproses Data tidak berhubungan secara terus dengan Subjek Data. Penglibatan Pemproses Data dalam pemprosesan data adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam kontrak dengan Pengguna Data.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA

3. PINDAAN TERHADAP PERUNTUKAN DENDA

- Akta 709 sedia ada memperuntukkan Pengguna Data yang melanggar Prinsip Perlindungan Data Peribadi boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM300,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- Berdasarkan kepada kajian penandaaranan yang telah dibuat dengan perundangan antarabangsa seperti EU GDPR, UK DPA 2018 dan Singapore PDPA, pengiraan kadar hukuman denda adalah berdasarkan kepada jumlah pendapatan kasar tahunan Pengguna Data atau Pemproses Data.
- Cadangan kaedah hukuman bagi pelanggaran Prinsip Perlindungan Data Peribadi kepada Pengguna Data atau Pemproses Data yang mempunyai pendapatan kasar tahunan melebihi daripada RM20 juta, denda boleh dikenakan sehingga 5% daripada pendapatan kasar. Sekiranya melibatkan kes-kes yang lain dan bagi Pengguna Data atau Pemproses Data yang tidak berasaskan keuntungan, denda boleh dikenakan sehingga maksimum RM1 juta.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA

4. MEMANSUHKAN WARTA PENGECUALIAN BERKAITAN LARANGAN PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE TEMPAT DI LUAR MALAYSIA

- Akta 709 sedia ada tidak membenarkan Pengguna Data untuk memindahkan data peribadi Subjek Data ke luar Malaysia melainkan ke tempat yang ditentukan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta.
- Cadangan pindaan ini adalah untuk memansuhkan peruntukan mengenai pewujudan siaran Warta bagi senarai tempat yang ditentukan oleh Menteri untuk membenarkan pemindahan data peribadi ke luar Malaysia berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat sedia ada di bawah Seksyen 129 (3) masih relevan, mencukupi dan selaras dengan piawai antarabangsa seperti yang digariskan di bawah EU GDPR.
- Pindaan ini bertujuan bagi memudah cara rundingan perdagangan antarabangsa yang mempunyai elemen pemindahan data rentas sempadan (*cross border data transfer*). Satu garis panduan akan dibangunkan.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA

5. FORUM PENGGUNA DATA

- Seksyen 21 Akta 709 sedia ada memperuntukkan Pesuruhjaya boleh menamakan sesuatu badan sebagai peneraju forum Pengguna Data.
- Cadangan pindaan adalah untuk membenarkan mana-mana Pengguna Data dinamakan oleh Pesuruhjaya sebagai peneraju forum selain badan yang mewakili Pengguna Data. Ini kerana terdapat forum Pengguna Data yang tidak diterajui oleh sesuatu badan.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN PERUNTUKAN SEMASA

6. PENGENDALIAN AKAUN BANK

- Seksyen 67 Akta 709 sedia ada hanya memperuntukkan urusan transaksi akaun bank hendaklah dikendalikan setakat mana yang boleh dilaksanakan **melalui cek sahaja**.
- Pindaan ini mencadangkan penambahbaikan agar kaedah bayaran dibenarkan melalui pengurusan pemindahan **pembayaran secara elektronik atau pindahan wang secara dalam talian**.
- Pindaan ini bertujuan untuk turut membenarkan pengurusan pembayaran mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Menteri.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my



CADANGAN PENAMBAHAN PERUNTUKAN BAHARU



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PENAMBAHAN PERUNTUKAN BAHARU

1. PEWUJUDAN FUNGSI PEGAWAI PERLINDUNGAN DATA (*DATA PROTECTION OFFICER*)

- Akta 709 sedia ada tidak mempunyai peruntukan berkaitan pelantikan fungsi DPO oleh Pengguna Data dan Pemproses Data. Pindaan ini adalah untuk mewajibkan Pengguna Data dan Pemproses Data yang memenuhi kriteria untuk melantik mana-mana individu untuk melaksanakan fungsi DPO.
- Fungsi ini boleh dilaksanakan oleh individu sedia ada ataupun membuat pelantikan individu baharu yang khusus bagi melaksanakan fungsi DPO.
- Cadangan pindaan ini tidak akan mengenakan sebarang denda atau penalti kepada Pengguna Data atau Pemproses Data jika tidak melantik fungsi DPO. Walau bagaimanapun, pelantikan fungsi DPO ini merupakan salah satu faktor yang akan digunakan dalam **penentuan kadar denda atau penalti** sekiranya berlaku pelanggaran Prinsip Perlindungan Data Peribadi.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PENAMBAHAN PERUNTUKAN BAHARU

2. KEWAJIPAN PENGHANTARAN NOTIFIKASI KETIRISAN DATA (*DATA BREACH NOTIFICATION*)

- Akta 709 sedia ada tidak mempunyai sebarang peruntukan untuk mewajibkan Pengguna Data melaporkan insiden ketirisan data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.
- Cadangan pindaan ini adalah bertujuan meletakkan tanggungjawab kepada Pengguna Data untuk melaporkan insiden ketirisan data peribadi dalam tempoh masa 72 jam sebaik sahaja insiden ketirisan data disedari oleh Pengguna Data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi,
- Cadangan pindaan ini tidak akan mengenakan sebarang denda atau penalti kepada Pengguna Data jika tidak melaporkan DBN kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Walau bagaimanapun, pelaporan DBN ini merupakan salah satu faktor yang akan diambil kira dalam menentukan kadar denda atau penalti sekiranya berlaku pelanggaran terhadap akta.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PENAMBAHAN PERUNTUKAN BAHARU

3. MEMPERKENALKAN HAK MUDAH ALIH DATA KEPADA SUBJEK DATA (*DATA PORTABILITY*)

- Akta 709 sedia ada tidak mempunyai peruntukan berkaitan kemudahan hak mudah alih data (*right to data portability*).
- Pindaan ini adalah bertujuan agar Subjek Data boleh memohon pemindahan data peribadi mereka dari satu Pengguna Data kepada Pengguna Data yang lain sekiranya boleh dilaksanakan secara teknikal. Yang dimaksudkan secara teknikal ini adalah sebarang pemindahan data yang dilaksanakan dalam format yang berstruktur (*structured*) dan boleh dibaca mesin (*machine readable*).
- Pindaan ini adalah kemudahan yang disediakan terhadap Subjek Data dan tiada sebarang implikasi undang-undang sekiranya Pengguna Data tidak boleh menyediakan kemudahan ini.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PENAMBAHAN PERUNTUKAN BAHARU

4. PELAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

- Akta 709 sedia ada tidak mempunyai peruntukan khusus membenarkan pelaporan berkaitan tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan.
- Cadangan pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan bagi membolehkan pelaporan penguatkuasaan dihebahkan kepada orang awam. Walau bagaimanapun, pelaporan ini hanya dihadkan kepada tindakan penguatkuasaan termasuk tindakan kompaun dan prosiding jenayah.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PENAMBAHAN PERUNTUKAN BAHARU

5. PERUNTUKAN MENGENAI BIOMETRIK

- Akta 709 sedia ada tidak memperuntukkan sebarang perlindungan terhadap data biometrik. Biometrik adalah salah satu **kaedah untuk mengecam individu berdasarkan cap jari, tapak tangan, anak mata, suara, muka dan sebagainya.**
- Di era globalisasi ini, terdapat banyak entiti yang menggunakan kaedah biometrik untuk pelbagai tujuan seperti mendapatkan akses ke bangunan, pengesahan identiti dan transaksi.
- Oleh yang demikian, cadangan pindaan ini adalah untuk **memasukkan perkataan biometrik dalam tafsiran data peribadi sensitif.**



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my



CADANGAN PINDAAN TERMA



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my

CADANGAN PINDAAN TERMA

1. PENYERAGAMAN TERMA SELARAS DENGAN PIAWAIAN TERMA ANTARABANGSA

- Meminda penggunaan terma '**Pengguna Data**' kepada '**Pengawal Data**' dan memasukkan **tafsiran 'Pengawal Data'**. Pindaan ini bertujuan memastikan keseragaman penggunaan terma di bawah Akta 709 dengan terma 'Pengawal Data' yang digunakan di peringkat global.
- Memasukkan **tafsiran bagi terma 'ketirisan data peribadi'** sebagai pelanggaran, kehilangan, salah guna, ubah suaian, akses atau penzahiran tanpa kebenaran atau tanpa sengaja. Tafsiran ini bertujuan untuk menyokong cadangan peruntukan baharu yang akan dicadangkan iaitu berkaitan notifikasi insiden ketirisan data peribadi oleh Pengguna Data kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my



KEMENTERIAN DIGITAL

TERIMA KASIH



@JabatanPerlindunganDataPeribadi



@jpdpmalaysia



www.pdp.gov.my